

Syor Razaleigh mengenai dasar gantian import

MENTERI Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah mencadangkan supaya satu pendekatan baru dijalankan ke atas dasar gantian import untuk menjimatkan peredaran wang asing.

Katanya, langkah ini antara lain, akan dapat memajukan industri baru yang menggunakan sumber-sumber tempatan yang boleh memberikan nilai tokok yang lebih tinggi ke atas keluaran negara.

Tengku Razaleigh berkata, adalah menjadi harapan supaya sektor awam mengurangkan penggunaan bahan-bahan yang diimport bagi keluaran mereka. Sebagai contoh, adalah dianggarkan bahawa dalam industri elektronik, bagi setiap ringgit dari keluaran yang dieksport, kira-

kira 60 hingga 70 peratus dari nilai keluaran dibayar ke atas bahan-bahan yang diimport.

Oleh itu, bagi mengurangkan penggunaan barang-barang yang diimport, ia boleh digantikan dengan bahan-bahan yang mudah didapati negara ini.

Eksport

Katanya sektor swasta haruslah mengkaji kemungkinan menggunakan gantian import dalam bidang-bidang tertentu seperti memproses makanan.

Tetapi, katanya, langkah tertentu seperti meningkatkan mutu pengeluaran, strategi harga yang wajar dan saluran pengedaran yang

maju, hendaklah didakan.

Beliau menyatakan demikian di majlis jamuan anjuran Institut Pengarah-Pengarah, di sini malam ini.

Tengku Razaleigh berkata, Malaysia tidak ketinggalan kemampuannya berhubung dengan penggunaan mesin dan kilang.

Ini terbukti bahawa antara 1978 hingga tahun lalu, 15.4 peratus dari komoditi yang dieksport berjumlah \$15,252 itu adalah di bawah kategori peralatan mesin dan pengangkutan.

Dalam tempoh yang sama, 39.9 peratus komoditi yang diimport adalah dari komoditi yang sama.

Bagi tahun ini dan

tahun depan, adalah dijangkakan anggaran peralatan mesin dan pengangkutan akan menjadi 43 peratus dari nilai komoditi yang diimport bagi dan 17 hingga 19 peratus bagi nilai komoditi yang dieksport.

Oleh itu, katanya, adalah diharapkan bidang itu dimajukan.

Sebagai permulaan, beliau mencadangkan supaya kemudahan kilang baikpulih dijadikan asas bagi modal di masa akan datang dalam industri itu.

Mengenai konsep pengswastaan, Menteri Kewangan berkata, ia akan menawarkan peluang yang berfaedah dan usahasama yang menguntungkan dengan penyertaan Bumiputera.

Ini akan memberi peluang sektor swasta m e m e n u h i tanggungjawab sosial kepada masyarakat dan negara dalam menayakan Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Beliau berkata di bawah galakan yang diberikan untuk menayakan konsep Persyarikatan Malaysia pula, sektor swasta dijangka melabur dalam sektor pengilangan, memproses, pembinaan dan perkhidmatan termasuk pelancongan.

Mengenai Sogoshosha, Tengku Razaleigh mencadangkan supaya dewan perniagaan dan perniagaan memajukan sistem penerangan pasaran yang sofistikated.

KUALA LUMPUR, Rabu

Bahan asal dari Akhbar
Negara Malaysia